

Banteras rasuah tetap diutamakan: Pak Lah

Isu kurang disentuh bukan tanda Umno tidak prihatin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kurangnya perbincangan mengenai isu rasuah pada Perhimpunan Agung Umno tahun ini tidak bermakna tiada ketegasan dalam usaha memerangi gejala itu sama ada dalam Umno atau kerajaan.

Malah, kata Perdana Menteri, beliau tidak keseorangan dalam perjuangan membanteras rasuah kerana rakan Kabinet turut bersamanya.

"Kawan-kawan saya ada tepi ini (menunjuk kepada Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad) semua membantu.

"Saya harapkan lebih ramai lagi (membahaskan mengenai rasuah) tetapi saya tiada pilihan untuk memberitahu mereka mengenai apa perlu dibahaskan," katanya pada sidang akhbar selepas berakhir perhimpunan agung parti.

Presiden Umno itu turut gembira dengan hasil dan perjalanan perhimpunan kali ini dan senang hati keputusan akhir dibuat itu adalah baik walau apapun perkara yang dibincangkan.

Beliau berkata, perbincangan perwakilan sangat terbuka dan menyentuh banyak perkara, tetapi tidak menganggapnya sebagai kritikan terha-

dapnya, kecuali ada yang melakukannya secara tidak langsung apabila bercakap mengenai dasar kerajaan.

"Soal syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah Kementerian Kewangan tak apa... mereka boleh nyatakan pandangan kerana perhimpunan agung adalah forum yang diwujudkan khusus untuk tujuan ini dan saya mahu mereka bersikap ju-

"Perbincangan perwakilan sangat terbuka dan menyentuh banyak perkara, tetapi tidak menganggapnya sebagai kritikan, kecuali ada yang melakukannya secara tidak langsung"

Abdullah Ahmad Badawi
Presiden Umno

jur bila menyentuh sebarang perkara," katanya.

Abdullah juga menafikan tanggapan yang perwakilan mungkin takut menegurnya kerana takut dikritik rakan lain.

"Yang dok buat tadi ada juga, yang cakap pasal GLC itu semua (dituju kepada) sayalah tu," katanya sambil menyoal kembali kenapa ada yang berkata beliau tidak terbuka kepada kritikan. ...

Ditanya sama ada kandungan ucapan penggulungan yang menyebut orang Melayu bertanggungjawab terhadap kaum lain bermaksud Umno tidak perlu taksud kepada kuasa yang ada, Abdullah berkata: "Soal taksud ini apapun tak elok... sifat taksud ini dalam apa hal pun tak elok."

Kepada soalan sama ada perbincangan isu perkauman kini sudah di luar kawalan, beliau berkata: "Kalau benar di luar kawalan, sudah tentu ada demonstrasi jalanan."

Mengenai ada unsur perkauman dan beliau cuba memadam 'api perkauman', Abdullah secara berselero berkata: "Api perkauman? Belum lagi, kalau padam api dah terbakar dah. Awak patut mengikuti ucapan saya dan mendengar dengan baik apa yang saya cakap."

Menyentuh kaedah mengira pegangan ekuiti Bumiputera pula, Ab-

dullah menegaskan mereka yang mempertikaikannya patut menghentikan perbincangan dan beliau yakin selepas ini ia tidak akan dibahaskan lagi.

Katanya, isu itu dibangkitkan secara kebetulan kerana Umno mengadakan perhimpunan agung dan perwakilan tidak boleh mengabaikannya, sebaliknya perlu menyatakan pendapat.

Menjawab soalan bertubi-tubi mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, undang-undang pencegahan itu selaras dengan konsep Islam Hadhari.

Beliau menjelaskan, penahanan tanpa perbicaraan ada sebabnya dan tangkapan dibuat berdasarkan bukti serta ada yang dibebaskan selepas 'kita dah jadikan mereka orang baik.'

Katanya, walaupun mereka tidak didakwa, ada isu keselamatan yang diketahui pihak berkuasa, tetapi tidak boleh dibincang dan diadili di mahkamah.

Abdullah juga menjelaskan undang-undang seperti ISA dan Akta Mesin Getak dan Penerbitan digubal Parlimen dan kerajaan mempunyai alasan untuk memperkenalkan undang-undang itu.